

**MCA masih kuasai akhbar The Star
Malaysiakini.com
November 04, 2010**

MCA - parti komponen kedua terbesar dalam kerajaan BN - masih menguasai Star Publications (Malaysia) Bnd, kata bendahari agungnya, Datuk Tan Chai Ho.

Beliau menjelaskan bahawa 42.2 peratus saham yang bertukar tangan dalam urusan hari ini adalah pemindahan pegangan dari Huaren Holdings Sdn Bhd yang merupakan syarikat pelaburan MCA, kepada parti itu.

Bagaimanapun, Bloomberg melaporkan beliau enggan memberi sebab pemindahan tersebut.

Sementara itu, ketika dihubungi Malaysiakini, Tan berkata "tunggu pengumuman Isnin ini".

Manakala seorang pegawai di ibu pejabat MCA, ketika dihubungi berkata pihaknya sedang menyediakan satu kenyataan berkaitan perkara itu.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/147345>